

# Fakulti perubatan pertama guna Vimedix

► **FPSK UMS jadi perintis proses pembelajaran guna ultrasound**

UB 24.9.2016 AG

Oleh SADDAM EDRIS

**KOTA KINABALU:** Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi fakulti perubatan pertama di Malaysia yang mempraktikkan Vimedix untuk mempercepatkan proses pembelajaran penggunaan ultrasound.

Dekan FPSK UMS Profesor Dr Zainal Arifin Mustapha berkata, Vimedix adalah platform latihan ultrasound yang bersifat inovatif bagi membolehkan pelatih mempelajari ultrasound dengan lebih mudah dan cepat.

“Kerjaya sebagai ahli perubatan perlu sentiasa melalui proses pembelajaran

sepanjang hayat termasuklah kemahiran menggunakan ultrasound yang kini amat diperlukan untuk semua pakar perubatan profesional.

“Justeru, kita perlu bersama-sama berusaha untuk terus mengemaskini diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang terkini bagi mendapatkan penambahbaikan yang berterusan dan sentiasa bermotivasi selaras dengan peredaran masa,” katanya ketika merasmikan Bengkel Ultrasound kali ke-4 anjuran Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS, di sini kelmarin.


Teks ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan Klinikal) FPSK Profesor Madya Dr Helen Benedict Lasimbang.

Selain itu Zainal berkata, ultrasound juga digunakan secara rutin untuk meninjau kehamilan sebagai sebahagian daripada penjagaan antenatal dengan matlamat janin normal dan seterusnya mengesan keabnormalan bayi untuk dibetulkan.

Katanya, kesejahteraan janin Antenatal juga boleh dinilai melalui Ultra Sound Scan (USS) iaitu dengan Profil Biophysical kajian Umbilical arteri Doppler.

Oleh itu katanya, diagnostik ultrasound dan aplikasi dari segi klinikal amat diperlukan oleh semua pengamal perubatan yang bukan sahaja di bidang obstetrik tetapi juga dalam penyakit sakit puan.

Terdahulu, seramai 50 peserta ahli perubatan menyertai bengkel itu yang berlangsung di Auditorium



**ANTARA peserta yang terlibat pada bengkel berkenaan. (Kanan) Dr Rafaie sedang menyampaikan taklimat berjudul 'Mengesan kehamilan awal' pada bengkel berkenaan.**

FPSK selamat tiga hari bermula kelmarin.

Bengkel berkenaan menampilkan tiga pakar perubatan dan pengendalian Ultrasound iaitu Dr. Rafaie Amin, Dr. Shari Nor

dan Dr Kamarul Azhar Kamaruddin.

Penganjuran bengkel itu adalah bertujuan memberi kefahaman secara praktikal kepada peserta tentang prinsip asas menggunakan ultrasound

dalam amalan obstetrik dan ginekologi.

Turut diadakan ialah tunjuk ajar mengendalikan mesin ultrasound di bawah bimbingan pakar obstetrik dan sakit puan.

Bengkel berkenaan mendapat kerjasama Jabatan Obstetrik dan Ginekologi (OBGYN) Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah (SWCH) dan IDS Medical Systems (iDSMED).

